

# PAK LAH BERHATI MULIA

Era Baru - 17/11/2006

DALAM kesibukan beliau sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO yang akan bersidang pada 13 November 2006 sehingga 17 November 2006, Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi ( Pak Lah ) rela mengeneipkan perbalahan beliau dengan mengunjungi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir yang sedang menjalani rawatan di Institut Jantung Negara ( IJN ) setelah bekas Perdana Menteri itu dikejarkan ke hospital sebab mengadu sakit dada.

Era Baru difahamkan , pada pagi itu Pak Lah telah menghadiri majlis untuk Ungku Aziz dan selepas itu bekejar ke Parlimen untuk menghadiri sidang Parlimen. Sejurus

kemudian Pak Lah bergegas ke IJN untuk melihat keadaan Tun Dr Mahathir.

Setibanya beliau di sana, Tun Dr Mahathir sedang tidur setelah diberi ubat tidur, justeru itu, Pak Lah tidak dapat menemuinya. Apa pun Pak Lah telah mengarahkan doctor-doktor yang merawat Tun supaya Tun diberi rawatan yang rapi dan yang terbaik.

Sementara itu ketika tiba di tingkat atas, Pak Lah berkesempatan menghulurkan tangan sebaik melihat Ketua Pengarang Era Baru, Datuk Idris Tulis yang turut berada di Institut Jantung Negara.

